

05/09/1998

Soal akhlak punca Anwar dipecat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Soal akhlak yang dikaitkan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah punca utama beliau dilucutkan daripada Kabinet dan dipecat sebagai ahli Umno, kata beberapa ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

Sehubungan itu, mereka akan mengadakan majlis penerangan ke seluruh negara bagi memberi gambaran sebenar isu berkenaan kepada rakyat dan ahli parti di peringkat akar umbi.

Di KEMAMAN, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata isu moral adalah punca utama membawa tindakan berkenaan.

Bercakap kepada pemberita di sini pagi ini beliau berkata, keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah bersesuaian dan tepat demi menjaga moral serta keutuhan parti.

"Oleh itu, MT meminta Anwar berundur buat sementara kerana kalau dipecat ia agak kurang baik. Namun demi menjaga kepentingan parti, MT terpaksa memecat Anwar," katanya.

Di SETIU, Pergerakan Wanita Umno Malaysia berdiri teguh di belakang Perdana Menteri mengenai isu pemecatan Anwar.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, keputusan MT malam tadi adalah ikhlas dan dibuat sebulat suara demi kepentingan negara dan parti.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Bina Negara Pergerakan Wanita Umno Negeri Terengganu, beliau berkata masalah individu walaupun pemimpin tertinggi, tidak sepatutnya mengheret sama parti.

"Saya yakin keputusan yang diambil itu tidak akan membawa perpecahan dalam parti kerana pengalaman Umno sebelum ini memperlihatkan kematangan ahli dalam memilih di antara kepentingan negara, parti dan rakyat," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata Umno Pahang akan mengadakan sesi penjelasan di seluruh negeri berhubung pelucutan jawatan Anwar dan pemecatannya daripada Umno, tidak lama lagi.

Beliau berkata, langkah itu penting kerana ahli Umno peringkat akar umbi boleh mendapat gambaran sebenar mengenai isu itu.

"Perpaduan ahli Umno di negeri ini tetap kukuh, malah mereka mengambil sikap bertenang," katanya.

Mohd Khalil berkata, keputusan memecat Anwar daripada Umno dibuat secara sebulat suara oleh MT.

Di IPOH, Badan Perhubungan Umno Perak menerima secara terbuka keputusan MT Umno yang sebulat suara memecat Anwar daripada parti.

Pengerusinya, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pihaknya menerima keputusan MT itu demi kepentingan parti.

Menurutnya, tiada ahli MT yang menentang keputusan itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Ramli yang juga Menteri Besar Perak berkata, mungkin pada sebahagian ahli parti dan penyokong Anwar, keputusan itu mengejutkan.

"Tetapi setiap keputusan penting seperti ini ada sebab penting, kukuh dan besar. Oleh itu, mereka perlu faham semua ini dan memberi keyakinan kepada kerajaan dan pentadbiran parti mengatasi perkara ini," katanya.

Di PORT DICKSON, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pemecatan Anwar sebagai Timbalan Presiden dan ahli Umno dibuat sebulat suara.

Katanya, MT Umno menimbang semua aspek sebelum membuat keputusan itu dan menjadikan kepentingan parti dan negara mengatasi kepentingan lain.

Katanya, pemecatan Anwar terpaksa dilakukan kerana mungkin menimbulkan

banyak masalah seperti dari segi imej.

"Saya percaya masyarakat akan jelas. Pada peringkat awal, mungkin ada kekeliruan tetapi lama-kelamaan rakyat akan menerima keputusan itu," katanya di sini, hari ini.

Di SEPANG, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata pemecatan Anwar sebagai ahli Umno adalah wajar demi menjaga nama baik parti.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, berkata pemecatan Anwar bukan suatu yang luar biasa kerana sudah menjadi tradisi Umno meminta mana-mana ahli yang bermasalah supaya menarik diri daripada menjadi ahli parti demi kebaikan parti.

Menurutnya, keputusan itu tidak dibuat oleh Perdana Menteri seorang tetapi sebulat suara oleh ahli MT kerana majlis melihat masalah peribadi Anwar yang serius boleh menjejaskan kredibiliti Umno.

Di MELAKA, Badan Perhubungan Umno Negeri menyokong penuh keputusan MT memecat Anwar sebagai ahli Umno demi kebaikan parti dan negara.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, dengan itu isu yang membabitkan Anwar tidak lagi membabitkan parti.

"Umno Melaka yakin pemecatan ini tidak menjejaskan perpaduan dan keutuhan parti. Umno Melaka berdiri teguh di belakang kepimpinan Presiden Umno dan akan berusaha mengukuhkan parti dan bekerja terus memulihkan ekonomi negara," katanya.

(END)